

12 JANUARI 2018

Pasangan kekasih ditahan leka hisap bahan terlarang

Pasangan kekasih ditahan leka hisap bahan terlarang



Plastik lut sinar dipercayai berisi dadah dijumpai selepas sepasang kekasih ditahan di Felcra Changkat Lada.

KAMPUNG GAJAH - Sepasang kekasih ditahan di dalam sebuah kereta dipercayai sedang menghisap dadah di tepi jalan di Felcra Changkat Lada, di sini, kelmarin.

Mereka yang berusia 35 dan 25 tahun itu juga dipercayai turut terlibat dengan pengedaran dadah.

Ketua Polis Daerah Perak Tengah, Superintendan Mohamad Zainal Abdullah berkata, ketika ditahan, suspek lelaki berada di tempat duduk pemandu, manakala teman wanitanya berada di tempat duduk penumpang hadapan dalam keadaan mencurigakan dipercayai sedang menghisap dadah.

Menurutnya, hasil pemeriksaan lanjut juga turut menemui sepeket plastik lut sinar dipercayai dadah jenis heroin seberat 229 gram dan dua peket plastik lut sinar disyaki methamphetamine

seberat 27 gram.

"Suspek lelaki itu juga turut pegang botol kaca yang diubahsuai dipercayai untuk hisap dadah.

"Pemeriksaan ke atas suspek wanita pula menemui tiga peket plastik lut sinar dan satu tiub straw dipercayai heroin seberat 6.03 gram yang diletakkan di dalam beg tangannya," katanya.

Beliau berkata, kedua-dua suspek juga dipercayai melakukan pengedaran dadah sejak tujuh bulan lalu di sekitar Kampung Gajah dan Jejawi.

"Ujian saringan air kencing juga didapati positif dadah dan masing-masing mempunyai rekod lampau.

"Pasangan kekasih ini akan disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952, Seksyen 39A(2), Seksyen 12(2) dan Seksyen 15(1)(a) akta sama," katanya.